



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 25 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN PASTIKAN BEKALAN KELAPA CUKUP, NASIONAL, BH -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARABTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	DAGING IMPORT: DI MANA SILAPNYA, GAYA AGAMA, UM -21	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3. 4. 5.	DULU ADA KELISA, SEKARANG MAKIN GELISAH, GAYA ALAM, UM -26 TAMBAH BAIK LESTARI SUNGAI, GAYA ALAM, UM -27 PENYELIDIKAN LENGKAP LEBAH KELULUT, RESENSI GAYA, UM -23	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Kerajaan pastikan bekalan kelapa mencukupi

Batu Pahat: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan komited memastikan bekalan kelapa di negara ini mencukupi, manakala kelapa diimport selamat daripada penyakit dan serangga perosak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata susulan itu 38 syarikat saja dibenarkan mengimport kelapa serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) pula diminta mengambil langkah proaktif di pintu masuk utama di Pelabuhan Batu Pahat, Johor dan Pelabuhan Klang, Selangor.

“Bagi pintu masuk di Batu Pahat, jumlah kelapa melebihi separuh daripada jumlah keseluruhannya (jumlah import) dengan sekitar 200,000 kilogram atau kira-kira 140,000 biji kelapa bagi sebuah kapal.

“Dianggarkan setiap hari 18 kapal akan tiba dari Indonesia dan kami



Ahmad ketika melawat Tapak Pemeriksaan MAQIS, Jeti Right Base di Pelabuhan Batu Pahat, semalam.

(Foto BERNAMA)

periksa kualiti, termasuk penyakit serta serangan serangga perosak,” katanya pada sidang media selepas lawatan Tapak Pemeriksaan MAQIS, Jeti Right Base di Pelabuhan Batu Pahat, semalam.

Ahmad berkata, pengimportan kelapa dari negara jiran dijangka bertambah pada tahun depan berdasarkan permintaan, namun kementerian akan terus mengawal bagi memastikan kemasukan ke-

lapa itu tidak mengganggu jualan kelapa tempatan.

“Mengikut statistik MAQIS pada tahun lalu, sebanyak 230 juta kilogram kelapa dibawa masuk dan lapan juta kilogram isi kelapa diimport melalui Batu Pahat, manakala pada tahun ini (sehingga bulan lalu) sebanyak 262 juta kilogram kelapa diimport dan 7.7 juta kilogram lagi bagi isi kelapa,” katanya. **BERNAMA**



Daging import: Di mana silapnya?

Oleh MOHD. AMRI ABDULLAH

HANGAT diperdebatkan isu kartel daging import, dari surat khabar, tv, radio, berita online, group whatsapp dan lain-lain medium. Macam-macam penghakiman orang awam, namun yang tinggal soalan ialah siapa bersalah dan di mana silapnya sehingga dikatakan sudah 40 tahun berlaku?

Adakah undang-undang yang ada tidak cukup? Prosedur yang tidak mantul atau jiwa insan yang perlu disertukan? Kita bertuah kerana kerajaan Malaysia menetapkan semua daging import dari haiwan yang halal hendaklah disahkan halal oleh pihak yang berautoriti di negara pengeksport terlebih dahulu. Ini adalah dasar kerajaan di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Kuasa JPV mensyaratkan daging dan produk berasaskan haiwan tertakluk kepada Import Protokol di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013). Protokol ini menyatakan wajib

**“
Mana-mana rumah sembelihan yang ingin mendapatkan kelulusan JPV, ia mesti disahkan halal dahulu dan menggunakan logo halal dari badan halal yang diiktiraf...”**

diperiksa oleh JPV dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Ia adalah syarat-syarat oleh JPV kepada negara pengimport bagi membolehkan produk haiwan termasuklah daging dibenarkan masuk ke dalam negara.

Syarat-syarat ini dipersetujui di antara dua negara melalui perundingan bersama. Pemeriksaan oleh JPV terbahagi kepada keperluan sanitari dan *phytosanitary* (SPS) negara

permohonan eksport dan pemeriksaan *abattoir* dan loji pemprosesan.

Dalam hal ini, pemeriksaan JPV memberi tumpuan kepada SPS, pelaksanaan amalan pengilangan yang baik dan program jaminan keselamatan seperti HACCP (Hazard Analysis Critical Control Points), dalam keadaan tertentu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga turut terlibat.

Aspek pematuhan halal diperiksa oleh Jakim berdasarkan prosedur *The Malaysian Halal Protocol for the Halal Meat and Poultry Productions* dan MS1500:2009.

JAKIM TIDAK KELUAR SUIK HALAL

Jakim tidak memberi sijil halal kepada rumah sembelihan atau loji pemprosesan luar negara termasuk produk yang berasaskan daging. Oleh itu, logo halal Malaysia tidak boleh digunakan untuk daging import.

Mana-mana rumah sembelihan yang ingin mendapatkan kelulusan JPV mesti disahkan halal dahulu

dan menggunakan logo halal daripada badan halal yang diiktiraf Jakim di negara tersebut.

Berdasarkan peraturan ini Jakim hanya terlibat membantu JPV mengesahkan status halal tanpa memberikan sijil halal sebelum daging diimport.

Permohonan kebenaran import diuruskan oleh JPV dan JPV mengeluarkan syarat-syarat import, manakala penguat kuasa ke atas syarat ini dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Ia bertanggungjawab di kawalan pintu masuk negara. Maqis mempunyai Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang berkuasa mengkuarantin dan memeriksa apa-apa yang berkaitan pertanian termasuk binatang dan karkas/daging dengan syarat-syarat import dalam permit.

Kegagalan mematuhi permit import ini adalah kesalahan yang didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

duanya.

Dalam Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017, Bahagian 1, Jadual Ketiga, perkara 1 menyentuh tentang larangan import terhadap apa juga sumber haiwan termasuk daging yang memerlukan permit atau lesen import daripada Maqis di Semenanjung dan Labuan, dan JPV di Sabah dan Sarawak.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai duti kastam atau RM50,000 yang mana satu lebih besar dan tidak melebihi 20 kali nilai duti kastam atau RM500,000 yang mana amaun lebih besar atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau kemudiannya didenda tidak kurang daripada 20 kali ganda nilai duti kastam atau RM100,000 yang mana satu lebih besar dan tidak melebihi 40 kali nilai duti kastam atau RM1 juta yang mana satu amaun lebih besar atau penjara tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya.

Bersambung di muka 22

Dari muka 21

Kemasukan dagangan ini juga hendaklah dibuat pemeriksaan dan diluluskan oleh Maqis dan JPV sewaktu pengimportan dilakukan. Ini jelas menunjukkan undang-undang yang ada memadai untuk kawalan halal daging import di pintu masuk. Berdasarkan undang-undang Maqis dan Kastam antara penentu untuk memastikan semua daging import adalah halal di pasaran Malaysia termasuk digunakan sebagai ramuan produk untuk mohon sijil halal.

Isu penguat kuasa lain yang perlu dikaji ialah pengesanan sembelihan. Sekiranya daging import yang tidak halal terlepas masuk ke pasaran maka ia sukar ditentukan sama ada disembelih ataupun tidak mengikut hukum syarak. Ini kerana

sehingga kini tidak ada makmal yang boleh menentukan daging yang telah dipotong atau karkas disembelih atau tidak. Jika daging itu menggunakan logo halal di



AYAM sejuk seberat 26 tan metrik atau 26,000 kilogram yang dirampas oleh Maqis di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar, 24 Ogos lalu.

ANGGOTA Maqis Perlis memeriksa ikan yang cuba diseludup ke negara ini tanpa permit sah di Pelantar Import Eksport Kompleks LKIM) Kuala Perlis, 31 Oktober lalu.

Perihal Dagangan 2011 melalui Perintah Perihal Dagangan Takrif Halal 2011 (dikuatkuasakan KPNDHEP) yang memperuntukkan denda hingga RM5 juta sekalipun tetapi gagal dibuktikan

pembuktian, maka tiada tindakan jua.

Kes biasa yang diambil oleh KPNDHEP adalah penggunaan logo halal atau ungkapan halal tanpa kebenaran di bawah Perintah Perihal Dagangan

pembungkusannya maka sukar ditentukan. Walaupun di bawah Akta

Perakuan dan Penandaan Halal 2011 yang boleh didenda hingga RM200,000.

Undang-undang telah ada. Yang perlu sekarang adalah apakah tanggungjawab JPV, Jakim, Maqis, Kastam selain kita sebagai pengguna? Biarkan sahaja sebab dah lama atau gunakan kuasa pengguna. Bagaimana pula peluang kepada pengusaha daging tempatan?

Sanggupkah berubah sebagai pengganti keperluan pasaran daging dan mematuhi standard halal atau kuasa wakaf bangunan semua ini. Solusi harus dicari di samping menyediakan undang-undang pengawalan diri insani yang ada kepada penggubal dan penguat kuasa undang-undang.

Elemen kejituan spiritual barakah diri yang berkait dengan keberkatan rezeki ini perlu diperkasakan dalam semua rantaian daging halal ini. Setiap kementerian atau jabatan perlu menguatkan Unit Hal Ehwal Islam supaya elemen-elemen insani ini sentiasa dipasak dalam diri. Terbaiknya kita serahkan kepada badan berautoriti untuk menyiasat. Kita yakin banyak hikmah di sebalik musibah.

Ustaz Mohd. Amri Abdullah ialah Panel Pakar Industri Halal Negara/ Penyelidik Halal UMHRC

Sekeluarga tujuh beranak peluk Islam

OLEH ASLIZA MUSA
utusangaya@mediamula.com.my

PERCAYA hanya satu tuhan yang layak disembah mendorong Ling Ka Lian, 37, memeluk agama Islam sejak dua bulan lalu.

Hidayah itu turut dikongsi bersama isteri, Ting Mei Lee, 32, dan enam anak mereka termasuk seorang bayi lelaki berusia dua minggu.

Ka Lian berkata, hatinya terbuka memeluk Islam sejak enam tahun lalu namun tidak tahu cara yang betul sehingga takdir Allah menemukannya dengan Timbalan Pengerusi Persatuan Cina Muslim (Macma) Ipoh, Mohd. Hafiz Ng Abdullah.

Katanya, siapa sangka, pertemuan yang singkat itu akhirnya membawa kepada 'kelahiran baharu' mereka sekeluarga apabila melafazkan dua kalimah syahadah.



MOHD. Hafiz Ng Abdullah (kiri) menemui Ling Ka Lian (dua dari kanan) dan anak-anaknya yang kisah pengislamannya dan keluarganya itu tular di media sosial di gerai buah-buahanya di Medan Gopeng, Ipoh. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

"Saya percaya yang kita patut sembah satu tuhan dan Allah adalah satu-

satunya tuhan yang layak disembah. Kepercayaan itu yang mendorong saya untuk

memeluk agama Islam.

"Saya berasa tenang kerana niat untuk memeluk agama ini akhirnya tercapai. Lebih manis apabila isteri dan kesemua anak kami serta pembantu kedai turut berkongsi hidayah untuk memeluk agama suci ini," katanya ketika ditemui di gerai buah-buahanya di Medan Gopeng, Ipoh, kelmarin.

Menurut Ka Lian, keluarganya dan isteri pada mulanya menentang hasrat mereka untuk memeluk Islam namun berubah fikiran apabila mendengar penerangan daripada Ustaz Mohd. Hafiz.

"Mereka salah faham, mereka ingat apabila kami masuk Islam maka kami akan jadi orang Melayu, nama perlu ditukar. Mereka sayangkan cucu-cucu dan bimbang hubungan akan jadi renggang. Apabila ustaz terangkan,

baru mereka faham dan terima keputusan kami. Lagipun, saya sendiri berkawan dengan ramai orang Islam dan cara hidup mereka buat saya selesa," katanya.

Kisah pengislaman Ka Lian dan keluarganya itu tular dalam media sosial sejak kelmarin apabila pendakwah terkenal, Ebit Lew menziarahi mereka dan berkongsi mengenainya menerusi hantaran di Facebook dan Instagram milik beliau.

Menurut Ka Lian, dia tidak menjangka kehadiran pendakwah itu dan mengakui sangat terperanjat melihat kereta beliau berhenti di hadapan gerainya.

Katanya, dia terharu apabila tokoh terkenal itu berkongsi rahsia kejayaan dan menasihatinya agar sentiasa menjaga solat dan tidak sesekali melakukan perkara yang dimurkai Allah.

Oleh LAUPA JUNUS
laupa.junus@mediamula.com.my

DEKAD itu telah berlalu tetapi kesannya masih dirasai hingga ke hari ini. Kumpulan nelayan darat di Sungai Bemam di Behrang, Perak ini amat terasa perubahan pendapatan mereka yang terlalu bergantung kepada tangkapan ikan daripada sungai tersebut.

Manakan tidak, sungai tempat mereka mencari rezeki sejak sekian lama berubah dalam sekelip mata kerana masalah pencemaran, sekali gus menjejaskan pendapatan.

Ketua Jaringan Perikanan Daerah Muallim, Saiful Zizuan Mahayuddin (gambar) 45, berkata beliau amat terasa dengan perubahan itu disebabkan Sungai Bemam tercemar sebelum ini, akhirnya dapat dipulihkan bermula 2017.

Menurutnya, ketika menjadi nelayan kira-kira 20 tahun lalu, sungai tersebut amat kaya dengan ikan darat kerana habitusnya tidak terjejas ketika itu.

"Situasi di Sungai Bemam tidak sama 20 tahun lepas dari segi ekosistem dan hasil tangkapan kerana beberapa spesies ikan yang kerap ditangkap sudah tidak kelihatan lagi.

"Malah ikan kelisa yang harganya agak mahal itu pun sudah tidak kelihatan kerana habitusnya terganggu ekoran kesukaran untuk membiak.

"Waktu 1990-an dulu sungai banyak ikan dan aktiviti

Dulu ada kelisa, sekarang makin gelisah



NELAYAN Sungai Karang, Mohamad Haizan Yusof meletakkan alat penangkap ikan 'Bubu' selepas gagal membawa hasil tangkapan ikan ekoran Sungai Karang yang tercemar dengan sisa bahan buangan di Behrang.



penangkapan bertumpu di sungai menjadikan suasana meriah," katanya.

Suasana seperti itu tidak ada lagi selepas beberapa aktiviti manusia yang banyak bertumpu di tepi sungai tersebut dipercayai menjadi punca kepada masalah pencemaran.

Saiful Zizuan berkata, antara penyumbang utama masalah pencemaran di situ

terutama dari Sungai Inki adalah pelepasan sisa daripada projek ternakan ayam di tepi sungai.

Apa yang berlaku seperti yang mereka dakwa adalah pengusaha projek ternakan ayam melepaskan sisa kumbahan ke sungai menyebabkan berlaku pencemaran kimia.

Beberapa projek ternakan ayam dikesan terdapat di

situ sehinggalah kumpulan nelayan terbabit yang diketuai oleh Saiful Zizuan mewujudkan pasukan bertindak yang mereka namakan Sungai Bemam Hunter.

Selepas beberapa aduan dibuat kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) di situ tindakan diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

Tindakan seterusnya adalah meminta pengusaha projek ternakan ayam terbabit membayar pampasan kepada nelayan yang berdaftar selain membuat rawatan sisa kumbahan sebelum melepaskannya ke sungai.

Menurut Saiful Rizuan, satu ketika pendapatan mereka mencecah RM6,000 sebulan tetapi ekoran masalah tersebut pendapatan tinggal RM1,000 sebulan.

Menurutnya lagi, kesatuan perjuangan nelayan tersebut yang bersatu hati menerusi Sukarelawan Perikanan (Super) telah menjadi kata asas perjuangan kepada apa yang mereka harapkan selama ini.

Mereka mendapat bantuan dan sokongan pelbagai pihak antaranya termasuklah Pejabat Daerah Tanjong Malim dan Pejabat Daerah dan Tanah Muallim kawasan tersebut, Jabatan Perikanan dan juga pakar mengenai air.



HAMPA. PARA Nelayan Sungai Karang pulang dalam keadaan hampa selepas gagal memperoleh sebarang tangkapan ikan ekoran Sungai Karang yang tercemar. - UTUSAN/AMIR KHALID



PENDUDUK menjual hasil tangkapan ikan dan udang galah air tawar di Sungai Bernam, Behrang, Perak kepada pelanggan.

Meskipun berjaya diatasi, kumpulan nelayan darat di situ yang kini jumlahnya meningkat daripada 213 orang berharap masalah tersebut tidak berulang.

TEBANG HUTAN

Dalam pada itu selain berkongsi masalah pencemaran, kawasan itu juga terpaksa 'akur' dengan penebangan hutan untuk tujuan penanaman ladang sawit.

Kira-kira 7,000 hektar hutan di situ menjadi korban untuk tujuan penanaman sawit sebelum ini dan ia menyebabkan kawasan hutan yang selama ini menjadi habitat ikan membiak terjejas.

Kawasan hutan berpaya itu sebelumnya menjadi habitat kepada gajah, rusa dan kijang tetapi habitat tersebut hilang.

Apa yang berlaku adalah apabila air naik ke kawasan hutan berpaya itu dan kekal untuk tiga bulan, ikan menjadikannya sebagai tempat bertelur dan membiak tetapi selepas gangguan ekosistem berkenaan, air hanya kekal selama kira-kira sebulan sahaja.

Ini juga menjadi punca kepada kemerosotan populasi ikan selama ini di situ.

Justeru mereka berharap masalah tersebut yang diatasi pada 2017 tidak berulang sementara kumpulan nelayan dilatih untuk memantau kualiti air sungai dengan mengambil sampel dan video jika berlaku pencemaran.

Mereka berterima kasih kepada seorang pensyarah kanan yang juga pakar air Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof. Dr. Maketab Mohamad yang menjadi pembimbing kepada kumpulan berkenaan.

Justeru, mereka berharap PBT memainkan peranan penting bagi memastikan masalah tersebut tidak berulang dengan menguatkuasakan peraturan sedia ada.

Mereka juga berharap ahli politik mempunyai pengetahuan mengenai isu alam sekitar sekali gus mempunyai kesedaran memulihara alam dan dapat membantu menerapkan kesedaran yang sama terhadap masyarakat dan industri.

Nelayan terbabit juga memuji tindakan Jabatan Perikanan Daerah yang kerap melepaskan anak benih ikan ke dalam sungai bagi membolehkannya membiak dan membesar sekali gus mengelakkan kepupusan.

Dalam masa sama, Kerajaan Negeri Selangor mencontohi pemulihan Sungai Bernam yang boleh dijadikan alternatif sumber air minum bagi penggunadi negeri itu Di Selangor,

kebanyakan sungainya tercemar teruk seperti Sungai Langat, Sungai Selangor dan Sungai Klang.

Tambah baik Lestari Sungai

BAGI memastikan sungai di negara ini tidak lagi tercemar teruk, Kementerian Alam Sekitar dan Air meneruskan program sayangi sungai dengan menambahbaik program Denai Sungai Kebangsaan dan Lestari Sungai.

Program tersebut kata Menteri, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat.

Kempen Cinta Sungai Kita dilancarkan pada Februari 1993 oleh Jabatan Pengairan dan Saliran bagi menimbulkan kesedaran mengenai kepentingan sungai dan peranannya terhadap manusia.

Ketika itu punca utama pencemaran sungai yang dikenal pasti adalah buangan industri, aktiviti penternakan dan sisa domestik.



TUAN IBRAHIM TUAN MAN

Ketika itu Sungai Pinang yang panjangnya kira-kira 3.6 kilometer dikategori sebagai paling kotor tercemar.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Norlin Jaafar berkata, menurut Laporan Kualiti Alam Sekeliling 2019, terdapat 672 sungai yang dipantau oleh JAS.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59 (9 peratus) sungai dikategori sebagai tercemar, sejumlah 408 (61%) sungai menunjukkan indeks kualiti air bersih dan 205 (30 peratus) sungai adalah sederhana tercemar.



NELAYAN Sungai Karang sering pulang dengan tangan kosong ekoran pencemaran Sungai Karang di Behrang.



(DARI kiri) Abdul Rahim Yusoff, Dr. Abdul Wahab Mohammad dan Dr. Razinah Sharif. @ Mohd. Sharif menunjukkan buku *Kelulut: Antioxidant dan Tekanan Oksidatif Ketegagahan Penyelidikan Lebah Kelulut*.



PENYELIDIK UKM melakukan kajian penyelidikan berkenaan khasiat madu kelulut di Makmal Bioserasi universiti itu di Bangi, Selangor.

Penyelidikan lengkap lebah kelulut

Oleh **ASMAHANIM AMIR**
gayautusan@mediamula.com.my

BUKU *Kelulut: Antioxidant dan Tekanan Oksidatif Penyelidikan Lebah Kelulut* menyediakan informasi berhubung produk hasilan lebah dan lebah kelulut dalam bahasa mudah difahami.

Buku itu adalah hasil kajian kumpulan penyelidik, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), diketuai oleh Prof. Madya Dr. Razinah Sharif @ Mohd Sharif.

Dr. Razinah berkata, kumpulan penyelidikan mereka berjaya mendapat geran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk dana penyelidikan berkaitan madu kelulut.

Katanya, beberapa artikel akademik berkenaan penyelidikan ini diterbitkan, namun masih ada kemahuan penyelidik untuk menjadikan dapatan kajian ini sebagai buku mudah untuk pembaca.

"Jadi, buku ini dihasilkan bagi membolehkan pembaca memahami khasiat madu secara umumnya dari konteks sains kesihatan, seterusnya mendapat ilmu berkaitan produk hasilan lebah kelulut iaitu madu dan propolis serta kesannya sebagai pelindung kepada tekanan oksidatif.

"Tekanan oksidatif tidak terkawal boleh menjurus kepada penyakit kronik seperti kanser, obesiti, jantung dan sebagainya," katanya dalam majlis pelancaran buku berkenaan baru-baru ini.

Naskhah 106 muka surat



BUKU *Kelulut: Antioxidant dan Tekanan Oksidatif Ketegagahan Penyelidikan Lebah Kelulut*.

itu adalah kolaborasi strategik antara UKM dengan Bayu Gagah Marketing (M) Sdn Bhd (Bayu Kelulut) sejak 2016, antara lain bertujuan menghasilkan madu kelulut asli untuk kajian saintifik.

POSITIF

Dr. Razinah yang juga Ketua Makmal Bioserasi UKM menjelaskan, walaupun kajian berkenaan dilakukan dalam model kultur sel, namun dapatan kajian positif dan memberangsangkan.

"Ujian klinikal madu masih dalam perancangan. Ia amat perlu bagi menyokong dapatan kajian awal kerana testimoni sahaja tidak cukup bagi menyokong *claim* madu ini," katanya.

Penerbitan buku berkenaan diharap dapat membantu pembaca memahami konsep asas dalam sains kesihatan

dan memahami potensi sebenar produk hasilan lebah kelulut.

"Penambahan ilmu ini diharap dapat menyumbang kepada asas penyelidikan berkaitan lebah kelulut di Malaysia. Dengan potensi lebah kelulut Malaysia, ia dapat dikembangkan ke luar negara untuk menjadi bahan eksport utama dan komoditi utama Malaysia.

"Jika di barat ada acai berry dan blue berry dikenali sebagai *superfood*, kelulut juga berpotensi dibangunkan sebagai *superfood* tempatan," katanya.

Kelulut adalah spesies lebah tidak berbisa menjadi sebutan sejak projek besar-besaran

berkenaan penternakan kelulut dilancarkan pada 2012 oleh Institut Penyelidikan dan Kamajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan dalam Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030.

KERJASAMA

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan inovasi UKM, Prof. Datuk Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad berkata, kerjasama penyelidikan antara industri dan penyelidik

amat digalakkan bagi menyahut seruan kerajaan untuk model *triple helix* iaitu kerajaan, industri dan komuniti.

Katanya, institusi itu mengalu-alukan

kerjasama antara industri dengan penyelidik bagi memperkasa industri kecil dan sederhana, seterusnya membantu dalam industri pertanian negara.

"Penghasilan buku penyelidikan ini membuktikan UKM komited membantu industri dan komuniti untuk memahami dapatan kajian yang diperolehi," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Bayu Gagah Marketing (M) Sdn. Bhd., Abdul Rahim Yusoff turut mengalu-alukan usaha dan kerjasama sepadu di antara pihak kerajaan, universiti dan industri dalam meningkatkan serta memperkasakan martabat perusahaan industri madu kelulut ke persada dunia.

"Penerbitan buku ini, diharap dapat memberi lebih kefahaman dan penjelasan mendalam kepada pembaca mengenai kelebihan khasiat madu kelulut dibandingkan dengan madu lain," katanya.

Di Malaysia, lebah kelulut mempunyai varian spesies yang lebih banyak berbanding lebah madu, mungkin kerana geografi Malaysia yang lembap dan sesuai untuk koloni lebah ini.

Lebah bersaiz kecil mungkin tampak kecil di mata kasar namun madu hasilan lebah ini sebenarnya mempunyai pelbagai khasiat berbanding madu lebah biasa terutamanya dari segi kandungan antioksidan dan pelbagai khasiat terselindung di sebalik *liquid gold* yang dihasilkan itu.



PEGAWAI penyelidik UKM menunjukkan produk madu kelulut yang telah dilakukan kajian terhadap khasiatnya.